

DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIIH – BAHASA KEBANGSAAN

HARI SELASA 11 JULAI, 2000 PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 42

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:
 - (a) jumlah pengguna telefon mudah alih di seluruh negara dan caj laluan yang dipungut oleh syarikat telefon; dan
 - (b) bilakah cadangan Kerajaan untuk menghapuskan caj laluan telefon mudah alih dan apakah bentuk cadangan caj-caj yang baru yang telah diperundingkan dengan syarikat telefon.

(PM #7154 v1)

2. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berikutan dengan insiden penculikan pelancong asing dan rakyat tempatan di Pulau Sipadan, Sabah, apakah langkah-langkah segera dan jangka panjang yang telah diambil bagi meningkatkan keselamatan di sepanjang pantai Timur Sabah di samping mengawal kemasukan pendatang tanpa izin yang semakin meningkat.

(PM #7133 v1)

3. **Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda hukuman terhadap kes-kes kesalahan seksual seperti kes rogol supaya ianya lebih berat kerana hukuman yang sedia ada dirasakan agak ringan.

(PM #7012 v1)

4. **Dato' Haji Zulhasnan bin Raffique [Wangsa Maju]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
 - (a) rasional mendirikan suatu pusat penerimaan data di Temerloh khusus untuk menerima data dari Satelite kepunyaan syarikat asing; dan
 - (b) langkah-langkah yang telah dan akan diambil agar pergantungan kepada negara asing untuk pengumpulan data-data dari satelite tentang sumber-sumber alam negara tidak diteruskan.

(PM #7276v1)

5. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa tarikh pembaharuan passport antarabangsa yang masih terdapat enam bulan atau kurang sebelum tarikh tamat tempoh dikira dari hari pembaharuan kerana tempoh yang belum tamat tidak digantikan dan menyebabkan rakyat "hilang" beberapa bulan tempoh passport yang telah dibayar.

(PM #6680 v1)

6. **Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan amalan diskriminasi terhadap wakil-wakil rakyat parti pembangkang yang tidak diberikan peruntukan Kerajaan untuk dimenafaatkan buat rakyat di kawasan masing-masing berbanding dengan peruntukan yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat parti pemerintah dan adakah Kerajaan sedar bahawa peruntukan tersebut sebenarnya diagihkan melalui Ketua Bahagian UMNO sedangkan peruntukan tersebut bersumberkan wang Kerajaan/Rakyat.

(PM #7249 v1)

7. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan apakah rancangan atau langkah-langkah mempelbagaikan sumber bekalan daging, ikan, sayur dan buah-buahan import untuk mengurangkan harga bahan makanan di pasaran kerana jika sumber bekalan diperbanyakkan ia akan menyebabkan berlakunya persaingan di pasaran dan harga bahan makanan boleh menjadi lebih rendah.

(PM #7237 v1)

8. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:
- (a) adakah nilai Ringgit Malaysia yang sebenar masih berada pada kadar pertukaran RM3.80 berbanding dengan 1 USD. Bilakah Kerajaan akan membatalkan kadar pertukaran tetap tersebut memandangkan kadar tetap tersebut telah menyebabkan ramai peniaga tidak dapat membuat rancangan untuk masa hadapan mereka; dan
 - (b) apakah penetapan kadar pertukaran tersebut telah meningkatkan hutang negara.
- (PM #7370 v1)
9. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Pindaan kepada 1961 Infant Guardianship Act akan digunapakai. (PM #7351 v1)
10. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia supaya Republik Filipina membatalkan Tuntutan ke atas Sabah (the Sabah Claim)
(PM #6830 v1)
11. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan keatas pengenaan bayaran pendengaran di mahkamah, dan jika bayaran tersebut dikenakan, apakah sebab-sebab di belakang tindakan ini.
(PM #6990 v1)
12. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan murid-murid bukan warganegara Malaysia yang menuntut di Tadika-tadika, di Sekolah-sekolah Rendah, di Sekolah-Sekolah Menengah, di Maktab-maktab Perguruan dan di Institusi Pengajian Tinggi. Dan nyatakan adakah para pelajar ini diberi layanan dan kemudahan yang sama seperti warganegara Malaysia termasuklah daripada segi yuran persekolahan.
(PM #7063 v1)
13. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes passport yang masih ditahan oleh Jabatan Imigresen, dan sebab-sebabnya passport tersebut masih ditahan.
(PM #6622 v1)
14. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]** minta **MENTERI PERUSAHAAN UTAMA** menyatakan berapa luas ladang kelapa sawit yang telah diubah menjadi kawasan pembangunan industri dan kawasan perumahan mengikut negeri-negeri di dalam Malaysia.
(PM #6692 v1)

15. **Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengkaji secara terperinci kemungkinan meletakkan semua urusan pendidikan agama yang kini berada di bawah jabatan-jabatan agama negeri diletakkan di bawah sebuah Kementerian yang khusus di peringkat pusat. (PM #6706 v1)
16. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejak Tribunal Tuntutan Pengguna ditubuhkan November 1999 hingga 15 Jun 2000:
- (a) berapakah kes tuntutan telah dikemukakan kepada Tribunal ini dan berapa kes yang telah diselesaikan; dan
 - (b) setakat ini apakah masalah yang dihadapi oleh Tribunal Tuntutan Pengguna.
- (PM #6719 v1)
17. **Dato' Dr. Haji Hasan Mohd Ali [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:
- (a) punca penurunan prestasi yang begitu ketara di antara pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera di IPTA-IPTA; dan
 - (b) langkah-langkah segera untuk membentaras fenomena menindas pelajar ke arah masyarakat intelek bumiputera kelas dua yang kesannya terhadap pembangunan negara amat membimbangkan.
- (PM #6723 v1)
18. **Tuan Abd. Rahman bin Haji Yusof [Kemaman]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa strategiknya syarikat TimeDotCom atau Time Telecommunication yang menjustifikasikan penglibatan pengambilan alih oleh Khazanah Holding Berhad sedangkan Celcom dibenarkan diambil alih oleh Syarikat Telekomunikasi dari German, Maxis oleh British Telecom dan Telekom Malaysia oleh NTT (Nippon Telegraph & Telecommunication). Berapakah beban hutang Time Telecommunication yang terpaksa ditanggung oleh Khazanah Holding sekiranya pengambilan alih ini dilaksanakan. (PM #6743 v1)
19. **Tuan Haji Mustafa bin Ali [Dungun]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menubuhkan Suruhanjaya Pelaburan Asing menggantikan mekanisma di Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) bagi mewujudkan akauntabiliti dan ketelusan bagi mengelak perebutan kepentingan antara pihak yang dapat menarik pelaburan dari China. Taiwan dll. dengan kroni yang mendakwa dapat mempengaruhi pihak pembuat keputusan. (PM #6767 v1)

20. **Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan selain dari usaha-usaha dakwah, kuliah pengajian dan ceramah-ceramah umum untuk membentaras gejala murtad dalam negara. (PM #6768 v1)
21. **Dato' Mohd. Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kelemahan Bahasa Inggeris sebagai salah satu mata pelajaran penting terutamanya di sekolah-sekolah kawasan luar bandar dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris terutamanya di sekolah-sekolah kawasan luar bandar. (PM #7177 v1)
22. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memperkuat keselamatan di Pulau Sipadan dan pulau-pulau pelancongan yang lain di Sabah akibat daripada penculikan 21 orang tebusan di Sabah. (PM #6641 v1)
23. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan supaya menyegerakan penempatan guru-guru terlatih sama ada daripada Maktab Perguruan atau pun Universiti (Gred PPPLD DGA 6/PPPS DG 3) di sekolah-sekolah Kerajaan yang bersesuaian untuk menjaga nama serta imej Kementerian Pendidikan. (PM #6662 v1)
24. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauhmanakah langkah kawalan modal (capital control) dapat menyelamatkan IOFC Labuan daripada 'drawn down' yang dilakukan oleh bank-bank tempatan terhadap dana yang diurusniagakan. (PM #6666 v1)
25. **Tuan Abd. Rahman bin Haji Yusof [Kemaman]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan penjualan Syarikat Telekom Malaysia Berhad kepada Nippon Telegraph & Telecommunication (NTT). Bukankah ini bercanggah dengan kenyataan pemimpin-pemimpin negara bahawa kaedah yang negara digunakan untuk memulih ekonomi negara tidak melibatkan penjualan aset strategik negara kepada syarikat asing. (PM #6744 v1)
26. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan ingin membina bangunan-bangunan kekal di sekolah-sekolah yang telah dibina secara gotong-royong lebih limabelas tahun yang lepas di Sarawak. Misalnya SRK Ng. Telawan, Belaga, SRK Long Urun, Belaga, SRK Lusong Laku, Belaga SRK Tunoh, Kapit dan SRK Ng. Bawai, Kapit. (PM #6755 v1)

27. **Dato' Fadzil Mohd. Noor [Pendang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:
- (a) memberikan jumlah kes tahanan polis yang mati semasa dalam tahanan untuk soal siasat bagi lima tahun yang lalu sehingga Jun tahun 2000; dan
 - (b) menjelaskan punca-punca utama kematian tahanan tersebut.
- (PM #6775 v1)
28. **Tuan Hasan bin Mohamed [Besut]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) jenis minuman beralkohol atau arak yang boleh dijual kepada umum tanpa lesen; dan
 - (b) apakah kriteria yang diambil kira untuk mendefinisikan sesuatu minuman itu sebagai minuman keras.
- (PM #6813 v1)
29. **Tuan Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah permit penerbitan majalah, akhbar tabloid mingguan dan akhbar harian yang telah dikeluarkan oleh Kementerian sehingga Jun 2000 mengikut pecahan masing-masing; dan
 - (b) dari jumlah itu, berapakah jumlah pemegang permit yang telah menyalahgunakan permit berkenaan dan apakah kesalahan-kesalahannya.
- (PM #6825 v1)
30. **Tuan Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah alasan yang konkrit pihak Kementerian menghadkan jumlah keluaran lidah rasmi PAS, *Harakah* dan mengharamkan majalan *Detik* serta tidak memperbaharui permit akhbar mingguan *Eksklusif*.
- (PM #6828 v1)
31. **Tuan Mohd. Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jenis-jenis perlindungan yang diberikan kepada rakyat asing yang berada di negara ini dan apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan mereka.
- (PM #6844 v1)

32. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan reformasi di sektor perbankan. Apakah keberkesanan Danaharta dan Danamodal. (PM #6857 v1)
33. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan penagihan dan ;pengedaran dadah di negara ini. Apakah keberkesanan Agensi Dadah Kebangsaan. (PM #6859 v1)
34. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka sederhana bagi mempertingkatkan taraf dan perkhidmatan-perkhidmatan di Klinik Desa Kapar. (PM #6858 v1)
35. **Tuan Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** sama ada pihak Kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan sistem transliterasi dalam semua percetakan bagi perkataan-perkataan Arab agar sebutan asalnya dapat dipelihara demi memelihara maknanya. (PM #6884 v1)
36. **Tuan Haji Mohammad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) adakah siasatan dibuat terhadap tindakan kekerasan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, ke atas kakitangan di KLIA; dan
 - (b) jika siasatan telah dibuat, sejauh manakah kesungguhan siasatan itu dijalankan dan apakah tindakan berkesan yang akan diambil. (PM #6886 v1)
37. **Tuan Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak kerajaan berhasrat untuk melaksanakan sistem pembayaran gaji dua minggu sekali memandangkan tahap efisiensi penggunaan komputer di Jabatan-jabatan Kerajaan agak memuaskan. (PM #6889 v1)
38. **Tuan Haji Mohammad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) nilai pembelian saham Time Telekom oleh Khazanah Holdings; dan
 - (b) tarikh keputusan membeli saham Time Telekom dibuat oleh Khazanah Holdings dan tarikh tawaran dibuat oleh Sing Tel. (PM #6900 v1)

39. **Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan-kesan positif dan negatif yang akan dialami oleh rakyat negara ini apabila 'E-Government' terlaksana sepenuhnya nanti dan sejauhmanakah pula ia akan membawa keberkesanan perkhidmatan kakitangan Kerajaan. (PM #6908 v1)
40. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan:
- (a) berapakah bilangan penternak babi yang telah dan belum terima pampasan ehsan daripada Kerajaan ekoran pemusnahan babi kerana berlakunya wabak Nipah virus pada bulan Mac 1999; dan
 - (b) apakah sebabnya kelewatan pembayaran berlaku dan bilakah pampasan akan diberikan kepada mereka yang belum dapat pampasan. (PM #6931 v1)
41. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menambah atau mewujudkan pusat-pusat latihan bagi melatih anak-anak tempatan Sarawak di Kuching atau bandar-bandar di negeri ini bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan di hospital-hospital yang sedia ada. (PM #6676 v1)
42. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan lebih banyak pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa di pedalaman Bahagian Bintulu dan memperbaiki klinik-klinik desa sedia ada yang sudah usang. (PM #6677 v1)
43. **Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid [Hulu Terengganu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, bayaran Elaun Tinggal Atas Panggilan, Imbuan Tetap Perumahan dan Bayaran Insentif Elaun Tugas Kewangan akan dibayar kepada pembantu-pembantu perubatan memandangkan tugas mereka telah diperluaskan sejak hampir 20 tahun yang lalu. (PM #6730 v1)
44. **Tuan Che Ghani bin Ambak [Setiu]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah status penswastaaan Pelabuhan Kemaman kini dan berapakah jumlah pelabuhan yang telah dan belum diswastakan. (PM #6939 v1)

45. **Dato Kamarudin Jaafar [Tumpat]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jangkaan bila permohonan Permit Penerbitan (PP) akan dikeluarkan kepada akhbar Purnama, majalah Detik, akhbar parti Keadilan dan akhbar Eksekutif. (PM #6944 v1)
46. **Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengambil belia-belua yang berwibawa menganggotai angkatan tentera negara. (PM #6971 v1)
47. **Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bercadang untuk mewajibkan belia-belua berkhidmat secara wajib dengan pasukan pertahanan negara selama 2 tahun dan kenapakah Kementerian Pertahanan mengambil keputusan tersebut. (PM #6973 v1)
48. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang dilakukan oleh Kementerian tersebut bagi menangani kegagalan program rakan muda yang telah dilaksanakan itu. (PM #7005 v1)
49. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-
- (a) jumlah kerja kontrak yang diluluskan untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah di kawasan luar bandar bagi tahun 1999 di Sarawak dan untuk tempoh enam bulan berakhir 30.6.2000; dan
 - (b) adakah benar bahawa kontrak ini dianugerah kepada sebuah syarikat di bawah sistem payung. Jika benar, sila nyatakan sebab ia dianugerah; dan
- (PM #7030 v1)
50. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan mengutip fee perbincaran bagi kes sibil dan apakah Implikasi jika cadangan ini dilaksanakan. (PM #7035 v1)
51. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan, lokasi dan kedudukan bangunan-bangunan UMNO Bahagian dalam Wilayah Persekutuan yang menduduki tanah rezab dan tanah Kerajaan tanpa dikenakan tindakan sedangkan pihak lain mendirikan bangunan dikenakan tindakan. (PM #7038 v1)

52. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebagai sebahagian daripada negeri-negeri pengeluar petroleum, pernahkah ada rakyat Malaysia yang berasal daripada Sabah dan Sarawak dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Petroleum Nasional (PETRONAS) sejak penubuhan badan tersebut sehingga pada masa ini, dan pada masa ini berapakah ahli lembaga pengarah daripada Sabah dan Sarawak. (PM #7060 v1)
53. **Puan Hajah Mastika Junaidah inti Husin [Arau]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan berapa banyak bilangan orang telah ditangkap kerana menyeludup beras dari Thailand ke Malaysia. Berapa banyak rampasan yang telah dibuat sepanjang tahun 1999 dan tahun 2000 dan apabila WTO dilaksanakan, pasaran terbuka akan diamalkan, adakah pasaran beras juga akan dibuka untuk perdagangan bebas. (PM #7061 v1)
54. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak [Kota Belud]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan setakat ini apakah peranan dan prestasi projek IRPA dalam meningkatkan keupayaan teknologi, dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan daya saing ekonomi negara dalam era dunia tanpa sempadan. (PM #7077 v1)
55. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan Indah Water Konsortium:
- (a) pada mulanya siapakah pemegang saham IWK; dan
 - (b) berapa kali pemegang saham IWK telah tukar tangan dan harga transaksinya.
- (PM #7090 v1)
56. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan, bolehkah PETRONAS senaraikan Syarikat-syarikat Insuran yang diambil untuk menginsurankan projek, harta atau pekerja PETRONAS. (PM #7107 v1)
57. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelab malam/pub yang tidak berlesen dikesan semasa operasi membanteras gejala penyalahgunaan Pil Ecstasy dan kenapa premis-premis tersebut selama ini boleh beroperasi secara terbuka dengan papan iklan yang begitu menonjol. (PM #7121 v1)

58. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai masalah kekurangan Sekolah Rendah Kebangsaan Cina (SRKC) dan masalah kesesakan bilik darjah di SRKC. Mengikut piawaian Kementerian Pendidikan, berapakah jumlah murid maksimum ditempatkan dalam sebuah bilik darjah bagi sekolah rendah dan adakah SRKC mencapai piawaian tersebut. (PM #7124 v1)
59. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pihak berkuasa mana yang berkuasa untuk meluluskan kadar tambang feri dan adakah perlu kelulusan kenaikan kadar diperolehi sebelum ianya dilaksanakan, memandangkan perkhidmatan feri ini merupakan satu perkhidmatan pengangkutan awam yang mustahak. (PM #7128 v1)
60. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak sistem meletak kereta bermeter dikuatkuasakan semula, nyatakan jumlah kompaun kesalahan dikutip, bilangan kenderaan ditunda, kedudukan private parking secara sah dan haram sekitar Kuala Lumpur. (PM #7146 v1)
61. **Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan berlakunya jangkitan virus-virus yang boleh membawa maut melalui darah yang didermakan; dan
 - (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan perkara ini berlaku di hospital-hospital swasta di negara ini. (PM #7158 v1)
62. **Dato' Mohd. Sarit Bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan setakat mana projek E-Komuniti (Internet Desa) di kawasan luar bandar telah dilaksanakan dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk perlaksanaan projek ini. (PM #7176 v1)
63. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah akan dilaksanakan rancangan agar perjalanan sidang Dewan Rakyat dapat disiarkan dan dipancarkan terus menerus ke seluruh negara sebagai usaha menyampaikan maklumat untuk membuka minda dan pematangan penilaian di kalangan rakyat. (PM #7180 v1)

64. **Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kejayaan rancangan-rancangan dalam mengimplementasikan industri IT di Malaysia sejak pelancaran program Multimedia Supercorridor di Malaysia dan apakah program yang sedang dijalankan atau dirancang untuk menentukan rakyat dan peniaga Bumiputera tidak ketinggalan dalam bidang ini. (PM #7196 v1)
65. **Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan semula polisinya terhadap penyerbuan haram kawasan kita oleh pendatang tanpa izin di Sabah sebagai bukti bagi penculikan tebusan-tebusan tidak berdosa baru-baru ini dari Pulau Sipadan yang dilakukan oleh pendatang tanpa izin bersenjata; dan
 - (b) sama ada Kerajaan serius dalam menangani masalah berbangkit daripada kehadiran pada pendatang tanpa izin yang berleluasa di Sabah.
- (PM #7197 v1)
66. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar pendirian negara mengenai pendatang dan pekerja asing yang di lihat begitu berlembut dan tidak tegas. Walaupun kita berlembut tetapi tidak ada kumpulan dan negara lain yang berterima kasih. Apakah kita akan mengenakan syarat yang lebih ketat misalnya mewajibkan pelancong dan pekerja asing mesti mempunyai bukti sokongan kewangan yang cukup sebelum masuk ke negara ini. (PM #7199 v1)
67. **Tuan Haji Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan untuk menganjurkan SUKMA (Sukan Malaysia) bermula dari SUKMA 1 hingga SUKMA 6 mengikut pecahan dan negeri-negeri yang menganjurkannya. (PM #7211 v1)
68. **Tuan Haji Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah Kos Pembiayaan membaik-pulih jalan raya Timur-Barat (Jeli ke Grik) bagi setiap tahun bermula dari Tahun 1990-1999. (PM #7213 v1)

69. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT** menyatakan:
- (a) bilangan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan di seluruh negara dan adakah semua Rukun Tetangga telah memainkan peranan yang ditetapkan;
 - (b) cadangan dari Kementerian untuk mempromosikan semangat kejiranan di kalangan penghuni melalui Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan pemilik rumah.
- (PM #7242 v1)
70. **Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]** minta **PERDANA PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah gagal diambil oleh Kerajaan sehingga membolehkan kumpulan pemberontak melakukan penculikan di Pulau Sipadan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil selepas itu dapat menjamin perkara yang sama tidak akan berulang lagi. (PM #7251 v1)
71. **Tuan Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan keselamatan di seluruh negeri Sabah terutama di persisiran pantai ekoran dengan kes penculikan di Pulau Sipadan, Semporna, Sabah. (PM #7297 v1)
72. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan Mahkamah mengenakan bayaran bagi kes-kes sibil. (PM #7298 v1)
73. **Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai Akta Penguatkuasaan ke atas pihak pemaju perumahan untuk melindungi kepentingan pemilik-pemilik rumah projek baru jika ada berlakunya masalah semut, anai-anai mengancam dan merosakkan bahan-bahan kayu rumah yang tidak lama diduduki. (PM #7317 v1)
74. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah yang dilakukan oleh 'Polis Palsu' mengikut negeri pada 1997, 1998, 1999 hingga Mei 2000. Apakah langkah yang telah diambil untuk menangani masalah penyamaran orang awam sebagai polis dan berjenayah. (PM #7329 v1)

75. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa peruntukan khas wakil rakyat BA tidak disalurkan terus kepada mereka seperti mana amalan terhadap wakil rakyat BN. Tidakkah amalan ini menafikan hak pengundi kawasan terbabit untuk menikmati pembangunan melalui peruntukan tersebut. (PM #7337 v1)
76. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan akan menimbang untuk melaksanakan permintaan-permintaan pilihanraya 1999 yang dikemukakan oleh 2095 buah pertubuhan Cina. (PM #7352 v1)
77. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuat pindaan kepada Immigration Act supaya wanita diberi kedudukan dan hak yang sama seperti lelaki di bawah Akta ini. (PM #7353 v1)
78. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana Tabung RM80 juta yang disediakan oleh Kerajaan persekutuan telah dapat digunakan untuk membantu penduduk-penduduk yang terlibat dalam pemansuhan akta Kawalan Sewa di negeri Pulau Pinang. (PM #7354 v1)
79. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:
- (a) apakah pencapaian Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan "Constructive Engagement" dengan Negeri Myanmar sejak 1997; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendemokrasian di Myanmar melalui hubungan dua hala kita. (PM #7372 v1)
80. **Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan pihaknya untuk:-
- (a) mewujudkan lebih banyak institusi pengajian tinggi peringkat antarabangsa di Wilayah Persekutuan Labuan; dan
 - (b) mewujudkan sebuah universiti penuh memandangkan hanya kampus cawangan sahaja yang ada iaitu UMS. (PM #7373 v1)

81. **Tuan Muhamad Bin Mustafa [Peringat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan untuk kawasan Parlimen Peringat bagi tahun 1999 dan 2000:
- (a) apakah projek-projek pembangunan yang akan dijalankan dan jumlah peruntukannya bagi setiap satu; dan
 - (b) bagaimanakah projek-projek ini disalurkan dan siapakah yang bertanggungjawab di peringkat kawasan.
- (PM #7398 v1)
82. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Jabatan Imigresen bersedia membenarkan pembaharuan pasport disambung dari tarikh tamat tempoh pasport tersebut dan bukan pada tarikh pembaharuan kerana pada lazimnya seseorang terpaksa membaharui pasportnya 6 bulan sebelum pasport tersebut tamat tempohnya agar membolehkan beliau keluar negeri pada tempoh 6 bulan terakhir.
- (PM #7403 v1)
83. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah faktor kemerosotan sukan bolasepak dan badminton negara dan apakah rancangan Kerajaan untuk memulihkan prestasi kedua-dua pasukan tersebut.
- (PM #7422 v1)
84. **Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh]** minta **MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI** menyatakan berapa banyakkah tanah-tanah Felda yang telah diberikan hak milik kepada peneroka mengikut negeri masing-masing dan apakah syarat yang boleh diberikan hak milik tanah kepada peneroka rancangan Felda tersebut.
- (PM #7443 v1)
85. **Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu bilik makan yang lebih selesa dan lebih sempurna di Parlimen untuk ahli-ahli Parlimen melayan tetamu luar agar boleh mencerminkan kedudukan Negara yang maju, berjaya dan berkemampuan; dan
 - (b) adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi kemudahan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen supaya mampu menjalankan tugas mereka dengan baik.
- (PM #7450 v1)

86. **Tuan Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menyediakan kemudahan asas bagi sekolah luar bandar terutamanya di Sabah dari segi bentuk geografinya yang mencabar seperti banyak pulau, sungai dan hutan dara. (PM #7473 v1)
87. **Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad [Lipis]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauhmanakah seriusnya kesan virus seperti virus I Love You, Stages dan lain-lain virus ke atas sistem perkomputeran di Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. (PM #7516 v1)

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT

**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Kewangan**

* Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000.

2. **Menteri Kewangan**

* Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000.

3. **Menteri Perusahaan Utama**

* Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 7/2000) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2000 – Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (10 Julai, 2000)
2. (D.R. 16/2000) Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000 Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R. 5/2000) Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000 ”
4. **Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Y.B. Ahli bagi Kawasan Permatang Pauh untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Skim Insuran Kesihatan Nasional 2000.

5. **Dato Fadzil bin Mohd. Noor (Pendang)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Memandangkan terdapat beberapa kes kematian di kalangan orang-orang yang berada dalam tahanan polis semasa penyiasatan, terutama yang berlaku ke atas tahanan yang sebelumnya berada dalam keadaan sihat;

Memandangkan terdapat keraguan mengenai punca kematian seperti yang digambarkan dalam kes kematian seorang pemuda 15 tahun yang disebut di mahkamah Alor Setar baru-baru ini, dan kematian seorang tahanan dalam lokap polis Rawang tahun lalu;

Memandangkan isu ini telah mencapai tahap yang membimbangkan dan menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada pihak polis, kerana tahanan ini mati mungkin akibat kecederaan yang dialami semasa dalam penyiasatan, dan ini akan membawa kepada sikap tidak bekerjasama rakyat kepada pihak polis pada masa akan datang;

Memandangkan ketiadaan penjelasan yang memuaskan daripada pihak polis mengenai setiap kejadian tersebut, melainkan daripada sumber-sumber yang mungkin akan menambahkan kekeliruan masyarakat.

Maka Dewan ini hendaklah membincangkan perlunya diwujudkan satu suruhanjaya penyiasat bebas yang ditubuhkan oleh Parlimen bagi mengenalpasi punca kematian orang dalam tahanan polis dan pihak yang bertanggungjawab dalam setiap kes, serta mengeluarkan kertas putih mengenai perkara ini bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada pasukan polis.

6. **Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mendebatkan kes-kes wabak seperti AIDS terutamanya jangkitan melalui pemindahan darah di hospital-hospital dan langkah-langkah untuk mengatasi wabak-wabak ini. Dewan ini juga membincangkan wabak Enterovirus di negara ini khasnya di Sarawak termasuk yang berlaku pada awal tahun ini.

7. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberi kemudahan komputer dan Internet di pejabatnya di Parlimen dan juga komputer bimbit untuk tujuan memudahkan semua ahli Parlimen mendapatkan sokongan maklumat semasa selaras dengan dasar negara yang menggalakkan penguasaan teknologi maklumat.

8. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan Kerajaan tempatan dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka.

9. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) daripada bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri ke Parlimen, dengan tujuan meningkatkan kewibawaan dan keberkesanan BPR.

10. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya undang-undang Anti Gangguan-Seksual digubal demi mempertahankan mangsa yang mengalami gangguan seksual dan juga maruah wanita yang teraniaya di Malaysia.

11. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)** akan

mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan pihak Kabinet melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Januari, 2000 yang telah mengambil keputusan supaya Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri Terengganu dan Kelantan tidak memberi taklimat kepada kedua-dua Kerajaan negeri berkenaan.

Bahawa Dewan ini kesal dengan keputusan tersebut yang mendiskriminasi Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan yang ditadbir oleh Kerajaan PAS/BA, kerana tindakan itu mencerminkan pencabulan prinsip dan hak kebebasan rakyat menentukan kepimpinan dan Kerajaan.

Maka dengan ini Dewan mengambil ketetapan agar arahan tersebut ditarik balik seberapa segera bagi menjamin kelicinan pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan di Negeri Terengganu dan Kelantan di samping menjamin kesejahteraan rakyat.

12. **Dr. Syed Azman Syed bin Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)** akan mencadangkan:

Bahawasanya Dewan ini menggesa agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyelesaikan segera isu tragedi pembunuhan umat Islam di Memali yang berlaku pada tahun 1985 yang telah mengorbankan 14 orang penduduk Kampung Memali.

Bahawa Dewan ini merasa kesal kerana sehingga kini kes-kes pendakwaan terhadap penduduk Memali tidak dapat diselesaikan melalui Mahkamah.

Maka dengan ini Dewan mengambil ketetapan agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah menyejatkan keadilan terlaksana kepada mangsa tragedi Memali yang menderita sehingga kini.

13. **Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Menyedari bahawa kepentingan rakyat untuk mendapat maklumat setelah memberikan mandat kepada Kerajaan sama ada peringkat pusat ataupun negeri adalah mengatasi segala kepentingan peribadi sama ada berbentuk kepentingan pemimpin dan politik kepartian tertentu;

Menyedari bahawa kemerdekaan negara memberi dan membuka peluang untuk rakyat menikmati segala kemudahan dan kemajuan terutama sekali berkaitan

dengan alat-alat teknologi dan elektronik untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat melalui pelbagai sumber peringkat pusat dan negeri yang berwibawa dan bertanggungjawab;

Menyedari bahawa kedudukan dunia yang semakin mengecil oleh proses globalisasi yang membawa kesan buruk-baik, yang pada sebahagian impak dan fungsinya menjejaskan kepentingan-kepentingan rakyat sesuatu wilayah dan negeri yang berkenaan, justeru kepentingan mereka perlu dilindungi dan dihormati; dan

Menginsafi nasib dan masa depan rakyat tidak boleh diperjudikan oleh manipulasi dan monopoli maklumat oleh pihak tertentu yang ingin mengekalkan kuasa rakus, keserakahan dan kemaharajalelaan semata-mata;

Maka Dewan ini membincangkan perlunya Kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu diberi lesen kelulusan untuk mengendalikan stesen radio atas nama Kerajaan Negeri masing-masing sebagaimana lesen yang telah diberikan kepada agensi sokongan Kerajaan seperti IKIM, pihak swasta dan pelbagai syarikat penyiaran yang lain; dan

Dewan ini juga di atas nama keadilan dan kesaksamaan hak rakyat, dengan rasa tanggungjawab dan jiwa besar menyokong dan meluluskan khususnya untuk rakyat di negeri Kelantan dan Terengganu untuk mendapat maklumat melalui media elektronik atau stesen radio yang relevan berkaitan pelbagai aspek kehidupan yang sah dan terkini, tanpa dicemari oleh kepentingan dan keserakahan mana-mana pihak, maka sudah tiba masanya kedua-dua negeri berkenaan tidak lagi didiskriminasikan dari segi ruang dan peluang menikmati maklumat yang positif, benar dan konstruktif.

14. **Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Menyedari bahawa masalah hak mendapatkan peluang pendidikan dan melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri merupakan hak asasi rakyat yang perlu disokong dan digalakkan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan, malah dalam keadaan biasa, mesti dipermudahkan;

Mengakui bahawa tradisi pembelajaran mesti dikekalkan supaya rakyat negara ini mempunyai taraf keilmuan dan kemahiran yang tinggi, serta minat untuk menimba

ilmu sentiasa berkobar-kobar dalam jiwa rakyat Malaysia;

Menyedari bahawa pusat-pusat pengajian tinggi di Timur Tengah khususnya universiti Al-Azhar dari segi sejarah telah menjadi pusat tradisi yang berakar umbi sejak ratusan tahun bagi rakyat negeri ini untuk mendapatkan ilmu dan sumber pengajian agama yang terbaik, yang diakui sebagai 'benchmark' pendidikan ilmu-ilmu Islam; dan

Menginsafi bahawa hubungan baik dan pengiktirafan pusat-pusat pengajian tinggi di rantau Timur Tengah terhadap para lulusan pusat-pusat pengajian tradisional/menengah di negara ini telah wujud sekian lama dan memberikan imej yang baik bagi sistem pendidikan agama negara ini,

Maka Dewan ini hendaklah membincangkan perlunya Kementerian Pendidikan membatalkan syarat kelulusan ataupun sijil kelulusan STAM yang dijadikan syarat untuk melanjutkan pengajian ke pusat-pusat pengajian di rantau Timur Tengah. Dengan ini, proses kemasukan ke Institusi di Timur Tengah dikekalkan menggunakan kriteria kelulusan sijil-sijil sediaada. Sijil STAM yang dijadikan syarat, kononnya untuk meningkatkan mutu pendidikan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di luar negeri, pada hakikatnya adalah langkah ke belakang yang sengaja ingin menyekat dan menyusahkan pelajar-pelajar tempatan untuk melanjutkan pengajian di luar negeri. Manakala lulusan dari sistem dan pusat-pusat pengajian berkenaan telah terbukti ramai dari mereka menjadi insan yang matang dan berwibawa menangani dunia kehidupan, lingkungan dan mampu menghadapi zamannya serta cabaran masa depan.

RISALAT-RISALAT YANG DI BAWAH KE DALAM MES YUARAT

| <u>TAHUN</u> <u>2000</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|-------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
| ST. 76 | Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru bagi tahun 1998. | 10 Julai, 2000 |
| ST. 80 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 81 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 82 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Lada Hitam bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 85 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 88 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 91 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 92 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 94 | Perintah Fi (Kemudahan dan Peralatan) (Jabatan Filem Negara) 2000 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 95 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |

| | | |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| ST. 97 | Laporan Tahunan Institut Teknologi MARA bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 97A | Penyata Kewangan Institut Teknologi MARA bagi tahun 1998 | 10 Julai, 2000 |
| ST. 93 | Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 3 Januari 2000 hingga 26 Mei, 2000 Menurut Peraturan Seksyen 6 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 | 10 Julai, 2000 |
| CMD. 9 | Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2000 | 10 Julai, 2000 |
| CMD. 9A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2000 bagi Kerajaan Malaysia | 10 Julai, 2000 |
| CMD. 10 | Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 2000 | 10 Julai, 2000 |
| CMD. 10A | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, Tahun 2000 bagi Kerajaan Malaysia. | 10 Julai, 2000 |

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

| Tarikh Ucapan Dibuat | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|---------------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|------------------------------------------|
| 11.7.2000 | 1. Y.B. Puan Fong Po Kuan | 1. Kes Kebakaran dan Penguatkuasaan Disiplin di Sekolah | 1. Y.B. Menteri Pendidikan |
| 11.7.2000 | 2. Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Omar | 2. Sidang Dewan Rakyat Harus Disiarkan Secara Langsung | 2. Y.B. Menteri Penerangan |

KERTAS PEMBERITAHU

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion tiga ratus lapan puluh tiga juta enam ratus lapan puluh empat ribu sembilan puluh ringgit (RM3,383,684,090) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 2000 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.